

Terharu dapat rumah baharu

WARTAWAN SINAR HARIAN
16 JANUARI 2018



[HTTP://WWW.SINARHARIAN.COM.MY/EDISI/SELANGOR-KL/TERHARU-DAPAT-RUMAH-BAHARU-1.784338](http://www.sinarharian.com.my/edisi/selangor-kl/terharu-dapat-rumah-baharu-1.784338)



Sulaiman (kanan) menyampaikan replika kunci kepada wakil keluarga, Marini Mohd Mukhlas di Blok S Sawah Sempadan, pagi tadi.

A- A+ (Ubah saiz teks)

TANJONG KARANG - "Makcik tak dapat nak gambar perasaan ni bila dapat rumah percuma yang baru dan tak perlu risau lagi kalau ribut dan hujan lebat," demikian luahan warga emas, Joriah Jurimi, 68.

Menurut penduduk Blok S Sawah Sempadan itu, dia cukup terharu dan berterima kasih kepada semua pihak yang sudi membantu membina rumah baharu buatnya dan empat cucunya.

"Makcik sekarang tinggal dengan menantu dan empat cucu selepas anak meninggal dunia...kalau dulu nak tidur malam pun takut-takut sebab takut rumah roboh ditiup angin kuat.

Rumah pusaka inilah satu-satunya yang makcik ada,nak bina baru manalah ada duit tapi bila dapat rumah batu lebih selesa...makcik syukur sangat," katanya.

Joriah merupakan penerima Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Rumah Baiti Jannati sumbangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alam.